

Nestlé dalam Masyarakat

Menjana Nilai Bersama dan
Memenuhi Komitmen Kami
2013



Nestlé

Good Food, Good Life



Untuk membangun dan memperkuat komponen aktiviti fizikal Program *Nestlé Healthy Kids*, Nestlé Malaysia bekerjasama dengan Kesatuan Olahraga Malaysia untuk melatih pensyarah-pensyarah, jurulatih serta kanak-kanak sekolah yang terpilih, dalam *Kids Athletics*, salah satu daripada program pembangunan sukan akar umbi terbesar oleh *International Association of Athletics Federation*.

18

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



26

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar



Kandungan

- 2 Pesanan kepada Pemegang Berkepentingan
- 4 Maklumat Ringkas
- 6 Legasi Nestlé
- 7 Struktur Organisasi
- 8 Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami
- 10 Penglibatan Para Pemegang Berkepentingan
- 14 Tadbir Urus
- 16 Ringkasan Data Prestasi Utama
- 18 Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat
- 26 Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar
- 40 Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami
- 54 Para Pengguna dan Pasaran Kami
- 62 Anugerah & Pencapaian
- 64 Kandungan Asas

40

Warga Kerja dan
Persekitaran Kerja Kami



54

Para Pengguna dan
Pasaran Kami



PESANAN KEPADA PEMEGANG BERKEPENTINGAN

Nestlé telah menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912. Selama ini, kami telah membuktikan bahawa tidak mustahil untuk sebuah syarikat untuk mencapai kejayaan, dengan membawa manfaat kepada komuniti dan masyarakat secara keseluruhannya pada masa yang sama.



Pengerusi kami Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Pengarah Urusan En. Alois Hofbauer menanam benih pokok hutan di kawasan penanaman Projek Rileaf di sepanjang Sungai Kinabatangan.

Nestlé merupakan perintis dalam Menjana Nilai Bersama, yang mencerminkan keinginan kami untuk mewujudkan kemakmuran dan membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat secara inklusif.

Di Nestlé, kami terus berusaha untuk membina hubungan yang berkekalan bersama insan, pemegang kepentingan dan masyarakat yang kami dampingi melalui perniagaan kami. Kami merupakan perintis dalam pendekatan perniagaan ini yang dikenali sebagai Menjana Nilai Bersama (CSV), yang mencerminkan keinginan kami untuk mewujudkan kemakmuran dan membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat secara inklusif.

Maka, selain daripada mematuhi undang-undang negara, piawaian antarabangsa dan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé kami, kami beroperasi dalam cara yang turut membantu melindungi alam sekitar demi generasi masa depan. Oleh itu, komitmen kami terhadap kemampanan dan pematuhan membentuk asas yang menjadi teras kami untuk menjana nilai bersama dalam bidang tumpuan kami iaitu Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar.

Nestlé telah menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, dan hasilnya, kami telah memperoleh kepercayaan daripada para pengguna, bukan sahaja disebabkan oleh kualiti produk kami, tetapi juga untuk komitmen kami untuk

menaik taraf kehidupan masyarakat. Sejak sekian lama, kami telah membuktikan bahawa tidak mustahil untuk sebuah syarikat untuk mencapai kejayaan, dengan membawa manfaat untuk komuniti dan masyarakat secara keseluruhannya pada masa yang sama.

Tahun ini, laporan kami bertajuk 'Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami' bagi mencerminkan komitmen dan usaha kami untuk terus menjana khasiat rakyat Malaysia untuk generasi masa depan, menyumbang kepada kemakmuran negara dan mengotakan janji *Good Food, Good Life* kami. Matlamat kami adalah untuk mengemukakan laporan secara telus dan terbuka mengenai isu-isu yang menjadi keutamaan dan penting bagi pemegang berkepentingan kami.

Bagi tahun di bawah tinjauan, kami telah memulakan beberapa inisiatif utama yang selaras dengan tiga fokus utama CSV kami – Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar.

Bidang Pemakanan menjadi bidang utama kepakaran kami, maka kami meneruskan usaha untuk menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif melalui Program *Nestlé Healthy Kids*, satu inisiatif yang

disasarkan kepada dua kumpulan usia yang berbeza - pelajar sekolah rendah dan menengah. Dilancarkan pada tahun 2010 dan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia, Modul Sekolah Rendah menyaksikan pelaksanaan siri Seminar Guru yang melibatkan para guru dari sekolah-sekolah yang terlibat dan juga latihan *Kids' Athletics* bagi para pensyarah serta jurulatih yang terpilih, dengan kerjasama Kesatuan Olahraga Malaysia. Program *Kids' Athletics* menyokong kerjasama global selama lima tahun antara Nestlé dan *International Association of Athletics Federation*, yang bertujuan untuk membangun dan memperkukuhkan komponen aktiviti fizikal Program *Nestlé Healthy Kids*. Sementara itu, Modul Sekolah Menengah yang dikenali sebagai Program Cara Hidup Sihat telah berjaya mendekati seramai 4,954 orang pelajar, 203 guru dan warden, serta para pengendali makanan. Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati di muka surat 22 dalam Laporan ini.

PESANAN KEPADA PEMEGANG BERKEPENTINGAN

Komitmen kami terhadap Air & Alam Sekitar telah diperkukuh lagi apabila kami memeterai perjanjian usahasama dengan Yayasan Sime Darby pada bulan November untuk bekerjasama dalam Projek RiLeaf, yang akan menyaksikan kedua-dua pihak mengurus dan mengoptimumkan pembiayaan dan sumber untuk projek ini, termasuk menyokong pembinaan keupayaan masyarakat tempatan.

Inisiatif pertanian Nestlé Malaysia yang inovatif – Kelab Padi Nestlé, kini mempunyai 312 orang petani yang berjaya menuai hasil sebanyak 5,658MT padi di kawasan seluas 807 hektar sawah padi bagi tempoh tuaian Ogos-September. Purata hasilnya mencecah 7.06MT/hektar, peningkatan sebanyak 3% berbanding hasil purata pada musim yang sama tahun sebelumnya. Di samping penggunaan kaedah *Semi-Aerobic Rice Intensification*, inisiatif ini juga berjaya mengurangkan penggunaan air dan pelepasan gas metana.

Tahun ini, Syarikat juga menggalakkan kemesraan kekeluargaan melalui suatu kempen menarik di seluruh negara, iaitu Bonanza Hari Keluarga Malaysia Nestlé. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga melalui makanan yang lazat, serta aktiviti-aktiviti yang sihat dan menyeronokkan. Kempen ini merangkumi dua elemen – pertandingan yang memerlukan pengguna membeli sesetengah produk-produk Nestlé dan menjawab dengan betul tiga soalan mudah, yang melayakkan mereka merebut

peluang untuk memenangi hadiah-hadiah harian yang menarik dan seterusnya berpeluang mengambil bahagian dalam Cabaran Akhir untuk memenangi Hadiah Utama wang tunai sebanyak RM100,000. Dengan berlandaskan prinsip bahawa sebuah syarikat boleh mencapai kejayaan, dengan membawa manfaat untuk komuniti dan masyarakat, Nestlé Malaysia telah berikrar untuk menderma RM1 bagi setiap penyertaan yang layak kepada badan-badan amal terpilih. Pertandingan ini berjaya menjana RM800,000, di mana sejumlah RM300,000 telah disumbangkan kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat dan baki RM500,000 lagi disumbangkan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat bagi menyokong aktiviti-aktiviti mereka untuk memupuk gaya hidup sihat dan membina masyarakat yang aktif.

Di akhir Laporan ini, kami telah menekankan aspirasi utama kami untuk mewujudkan impak positif dalam Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar, yang menggariskan komitmen kami dalam bidang ini.

Laporan kelapan kami bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, kecuali dinyatakan sebaliknya, merangkumi aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif CSV yang diterapkan dalam operasi Kumpulan Nestlé (Malaysia) Berhad dan subsidiarinya* - Nestlé Products Sdn. Bhd. dan Nestlé Manufacturing Sdn. Bhd.

Kami telah melantik PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk mengesahkan Laporan kami berdasarkan piawaian *Global Reporting Initiative* (GRI) 3.1. Jaminan yang dilaksanakan adalah selaras dengan piawaian ISAE3000 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Auditing and Assurance Standards Board* (IAASB). ISAE3000 digunakan secara meluas oleh pembekal jaminan bebas untuk memberi bimbingan ke atas prestasi jaminan laporan kemampuan, yang menggariskan tujuan serta semua elemen penglibatan jaminan.

Kami berharap bahawa anda mendapati Laporan ini berguna dalam memberi anda pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana kami beroperasi, sejajar dengan matlamat kami untuk berkongsi maklumat secara telus tentang kesan jangka panjang kami terhadap masyarakat dan bagaimana ia berkait rapat dengan kejayaan perniagaan jangka panjang kami. Jika anda mempunyai sebarang komen atau maklumbalas, kami bersedia untuk mendengarnya demi kejayaan berterusan kita semua. Anda boleh mendapatkan butiran kami pada bahagian akhir Laporan ini.

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah

Alois Hofbauer

Pengarah Urusan

* Kilang-kilang di Shah Alam, Petaling Jaya, Batu Tiga, Chembong dan Kuching; Pejabat Jualan bagi Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Pantai Timur, Sabah dan Sarawak; Pusat Pengedaran Nasional di Bukit Raja, Selangor dan Ibu Pejabat di Mutiara Damansara, Selangor.

Maklumat Ringkas

Kumpulan Nestlé

- Diasaskan pada tahun 1866 oleh Henri Nestlé.
- Pengeluar makanan terbesar di dunia, beribu pejabat di Vevey, Switzerland.
- Beroperasi di lebih daripada 150 negara.
- 465 buah kilang di 86 negara.
- Mempunyai lebih daripada 333,000 warga kerja di seluruh dunia.
- Lebih daripada 1 bilion produk dijual setiap hari yang mewakili lebih daripada 2,000 jenama global dan tempatan.
- Mencatatkan perolehan sebanyak CHF92.2 bilion bagi tahun 2013.
- Pusat penyelidikan pemakanan swasta terbesar di dunia, bertempat di Switzerland.
- 34 Pusat-pusat Penyelidikan & Pembangunan, dan Teknologi di seluruh dunia.
- Pelaburan global tahunan sebanyak RM5.1 bilion dalam Penyelidikan & Pembangunan.

Nestlé Malaysia

- Beroperasi secara komersial di Malaysia sejak tahun 1912.
- Pengeluar makanan Halal terbesar dalam Kumpulan Nestlé dan merupakan Pusat Kecemerlangan Halal bagi Kumpulan Nestlé.
- Ibu Pejabat terletak di Mutiara Damansara, Selangor.
- Memiliki 7 kilang dan 1 pusat pengedaran nasional.
- Mempunyai lebih daripada 5,800 warga kerja.
- Menghasilkan lebih daripada 500 produk Halal, dengan jenama isi rumah terkenal seperti MILO, MAGGI dan NESCAFÉ.
- Mencatat perolehan sebanyak RM4.8 bilion bagi tahun 2013.
- Disenaraikan di Bursa Malaysia sejak tahun 1989.

Kategori Produk di Malaysia

- Minuman • Makanan • Tenusu • Minuman Cecair • Pemakanan Bayi dan Ibu Mengandung
- Pemakanan Prestasi • Pemakanan Penjagaan Kesihatan • Bijirin Sarapan • Tenusu Dingin
- Ais Krim • Konfeksi • Nestlé Professional

Legasi Nestlé

SARANG BURUNG: KEBANGGAN NESTLÉ

Henri Nestlé telah menggunakan lambang keluarganya sebagai tanda perniagaan pada tahun 1867. Nestlé, yang bermaksud 'sarang kecil' difahami di serata dunia sebagai lambang kemesraan, keselamatan, khasiat, kekeluargaan, memupuk nilai-nilai murni dan keprihatinan.



...memberi gambaran menyeluruh mengenai Nestlé dan komitmen kami terhadap janji kami setiap hari, tidak kira di mana jua, sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka.

ERTI 'GOOD FOOD, GOOD LIFE'

Kekurangan akses kepada makanan berkualiti boleh menyebabkan kekurangan zat pemakanan serta isu-isu kompleks yang lain. Oleh itu, Nestlé dipercayai bahawa makanan yang baik merupakan asas kepada kehidupan yang baik. Di samping menjadi sebuah Syarikat Makanan, Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terulung, Nestlé juga berazam untuk menjadi rujukan untuk prestasi kewangan serta dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan. Langkah ini akan memacu kami ke hadapan dan diterapkan dalam apa jua yang kami lakukan. Ia akan membantu mencipta apa yang kami maksudkan dengan 'Good Food, Good Life'.



Di samping menjadi sebuah Syarikat Makanan, Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terulung, Nestlé juga berazam untuk menjadi rujukan untuk prestasi kewangan serta dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan.




LEGASI MENJANA NILAI BERSAMA NESTLÉ

Dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa anak jirannya yang tidak dapat menerima susu ibunya, seorang ahli farmasi berbangsa Swiss yang juga pengasas Nestlé – Henri Nestlé – telah menghasilkan susu tepung pertama di dunia untuk kanak-kanak. Bertujuan untuk menangani masalah kematian bayi akibat kekurangan zat pemakanan, produk ini telah tersebar di serata benua Eropah dan dari situlah bermulanya legasi Menjana Nilai Bersama Nestlé – yang mana hari ini, terterap dalam nilai-nilai dan Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat kami. Sejak 140 tahun yang lalu, Nestlé merupakan sebuah Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di dunia yang komited untuk memperkembangkan perniagaannya, berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip-prinsip yang bernas.



Struktur Organisasi



Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama (CSV) dan Memenuhi Komitmen



Creating Shared Value
Nutrition | Water | Rural Development

Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk menjana nilai jangka panjang untuk para pemegang saham kami, kami perlu menjana nilai untuk masyarakat berdasarkan pandangan bahawa kejayaan korporat dan pembangunan sosial adalah saling berkait rapat.

Justeru, dalam usaha kami untuk berkembang maju dalam jangka masa panjang, kami perlu memastikan bahawa komuniti di mana kami beroperasi turut menikmati kemakmuran, kerana itulah sebabnya kami memberi tumpuan untuk mewujudkan nilai untuk masyarakat di tiga bidang yang kami telah kenalpasti sebagai bidang yang berpotensi besar untuk penjana nilai bersama. Bidang tersebut adalah Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar, yang merupakan teras kepada strategi perniagaan dan operasi kami.

Kenapa Pemakanan?

Makanan dan pemakanan adalah asas kepada kesihatan dan perniagaan kami – kerana inilah sebab kewujudan kami.



Kenapa Air?

Air merupakan salah satu sumber yang paling kritikal, kekurangannya akan memberi kesan yang ketara terhadap kualiti hidup serta operasi perniagaan kami.



Kenapa Pembangunan Luar Bandar?

Kesejahteraan menyeluruh pelbagai pihak yang berkepentingan – para petani, masyarakat luar bandar, usahawan kecil dan pembekal - adalah kunci kepada kejayaan kami yang berterusan dan menyumbang ke arah pembangunan negara.



Terdapat pelbagai contoh bagaimana kami menjana nilai untuk masyarakat di Malaysia, yang dihuraikan dalam Laporan ini, ia dibahagikan kepada empat bidang, selaras dengan syarat-syarat Bursa Malaysia:

1. **Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat**
2. **Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar**
3. **Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami**
4. **Para Pengguna dan Pasaran Kami**



PIRAMID NESTLÉ DALAM MASYARAKAT

Menjana Nilai Bersama di Setiap Peringkat Rangkaian Nilai



“Kami percaya kami boleh memberikan sumbangan penting kepada masyarakat, dengan melangkaui tanggungjawab sosial korporat untuk menjana nilai melalui perniagaan teras kami, kepada pemegang saham dan masyarakat. Kami memberi keutamaan dalam bidang pemakanan, air dan pembangunan luar bandar untuk menjana nilai bersama; ini memerlukan pemikiran jangka panjang...”

Peter Brabeck-Letmathe,

Pengerusi, Nestlé S.A.

“Menjana Nilai Bersama dibina di atas asas komitmen kepada masyarakat, kedua-duanya untuk mencapai tahap pematuhan tertinggi dengan undang-undang, kod etika dan Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé kami sendiri serta untuk melindungi alam sekitar bagi generasi yang akan datang.”

Paul Bulcke

Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.

Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan



Dr. Tee E Siong, Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia menyatakan pandangan beliau semasa perbincangan meja bulat mengenai 'Preventing Childhood Obesity: Start Right with Breakfast!' pada bulan April 2013.

Kami dipandu oleh strategi yang membina dan melindungi kepercayaan apabila melibatkan pemegang berkepentingan dan cara kami melakukannya adalah dengan Menjana Nilai Bersama (CSV), iaitu cara Nestlé menjalankan perniagaannya.

Di samping menawarkan para pengguna dengan pilihan makanan dan minuman yang sihat, lazat dan berkhasiat, cita-cita Nestlé adalah untuk menjadi peneraju yang diiktiraf dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, serta rujukan industri bagi prestasi kewangan yang mampan, dipercayai oleh semua pihak yang berkepentingan. Ini termasuk mereka yang terlibat dengan kami pada setiap hari, sebagai sebahagian daripada operasi harian kami, serta mereka yang turut menikmati manfaat daripada aktiviti-aktiviti kami.

Kami dipandu oleh strategi yang membina dan melindungi kepercayaan apabila melibatkan pemegang berkepentingan, sama ada rakan-rakan perniagaan, pembekal, pengguna atau masyarakat. Bagaimana kami melakukannya adalah dengan Menjana Nilai Bersama (CSV), yang secara ringkasnya, merupakan cara Nestlé menjalankan perniagaannya. Strategi penglibatan pemegang berkepentingan menjelaskan keperluan untuk melindungi kepercayaan ini dengan menangani isu-isu yang berpotensi untuk

mengurangkan kepercayaan terhadap Nestlé, manakala pada masa yang sama membina kepercayaan untuk jangka masa panjang dengan melaksanakan falsafah yang konsisten bagi manfaat masyarakat, yang merupakan CSV - matlamat utama kami. Sila rujuk Diagram 1 di muka surat 13 - Strategi Penglibatan Pemegang Berkepentingan.

Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé juga menggariskan hubungan kami dengan semua pemegang berkepentingan. Pemegang berkepentingan yang terlibat dengan kami adalah mereka yang berkaitan dengan perniagaan dan tiga fokus CSV kami - Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar - yang penting kepada rangkaian nilai dan kejayaan perniagaan Nestlé. Bagaimana berkesannya kami berkomunikasi dan terlibat dengan mereka bergantung kepada faktor pengaruh mereka kepada keperluan perniagaan kami dan/atau kesannya terhadap reputasi korporat kami. Proses di mana kami mengenalpasti, menentukan dan melibatkan pemegang kepentingan digambarkan oleh Diagram 2 di muka surat 13 – Proses Penglibatan Pemegang Berkepentingan.

Kami melibatkan diri dengan para pemegang berkepentingan kami – dalam/luaran – melalui sesi perbincangan, *town hall*, sesi dialog, forum, projek kerjasama dan aktiviti-aktiviti para pengguna.

Kami juga mengendalikan sesi meja bulat dan perbincangan tahunan dengan para pemegang berkepentingan utama kami untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan tiga fokus CSV dan yang penting bagi perniagaan kami. Dihadiri oleh wakil-wakil daripada badan-badan kerajaan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli-ahli akademik dan sektor-sektor seperti Tadbir Urus Korporat, Alam Sekitar, Pembangunan Mampan, Pemakanan & Kesihatan dan Isu-isu Pengguna, perjumpaan ini membolehkan mereka berkongsi pandangan dan memberikan maklumbalas mengenai topik-topik yang dibincangkan semasa sesi perjumpaan.

Pada tahun 2013, Nestlé Malaysia berjaya menjalankan tiga sesi perbincangan dengan para pemegang berkepentingan utama kami. Perbincangan meja bulat pertama telah diadakan pada bulan April 2013 yang memberi tumpuan kepada perkara yang boleh dilakukan dengan berkesan untuk menggalakkan amalan pengambilan sarapan pagi di kalangan kanak-kanak, untuk mencegah obesiti kanak-kanak. Sesi ini telah dihadiri oleh pihak berkepentingan yang berkenaan seperti Kementerian Kesihatan dan Persatuan Pemakanan Malaysia.

Semasa perbincangan meja bulat yang kedua pada bulan Oktober 2013, kami mengadakan perbincangan tentang perkara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan air dan pemuliharaan alam sekitar, serta pembangunan luar bandar, dengan pihak berkepentingan yang berkenaan seperti Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan WWF-Malaysia.

Sesi ketiga adalah sesi perjumpaan dengan semua pemegang berkepentingan kami, yang diadakan pada bulan Disember 2013. Semasa sesi ini, kami telah membentangkan perkembangan terkini aktiviti-aktiviti CSV utama kami kepada pemegang berkepentingan.

Berikut adalah ringkasan perkara telah dibincangkan semasa dua sesi perbincangan meja bulat yang diadakan pada bulan April dan Oktober 2013.

TOPIK: PEMAKANAN – MENCEGAH OBESITI KANAK-KANAK: MULAKANNYA DENGAN SARAPAN PAGI	
ISU DIKETENGAHKAN	SARANAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN UNTUK NESTLÉ
Kurang kesedaran dan pemahaman di kalangan kanak-kanak mengenai kepentingan mengambil sarapan pagi.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk terus meningkatkan kesedaran tentang amalan makan yang betul, serta manfaat pemakanan yang sihat, sama seperti apa yang telah dilakukan oleh Nestlé melalui Program <i>Healthy Kids</i> dan Program Cara Hidup Sihat. • Untuk terus mendidik kanak-kanak dalam membuat pilihan yang bijak dan tepat apabila memilih makanan. • Untuk mendekati kanak-kanak di kawasan bandar melalui kurikulum sekolah dan sistem pendidikan. Ini berikutan kajian yang menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak mempunyai masa untuk mengambil sarapan pagi, kerana mereka akan sentiasa tergesa-gesa untuk sampai ke sekolah pada masa yang ditetapkan. • Untuk memberi penerangan kepada guru-guru sekolah dan ibu bapa, memandangkan mereka juga memainkan peranan penting dalam mendidik kanak-kanak.
Kebimbangan mengenai sama ada modul-modul pendidikan semasa yang menyokong peningkatan pengetahuan tentang kepentingan mengambil sarapan pagi dan menggalakkan anak-anak untuk bersarapan.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk memastikan program kesihatan dan pemakanan di sekolah anjuran Nestlé Malaysia melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, guru-guru, ibu bapa dan pengusaha kantin.
Cadangan usaha sama antara sektor awam, NGO dan Nestlé untuk menggalakkan pengambilan sarapan pagi.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk terus bekerjasama dengan kerajaan dan NGO untuk mendidik ibu bapa dan kanak-kanak sekolah. Nestlé juga harus mempertimbangkan kegiatan perkongsian baru bagi capaian yang lebih baik. • Bersama-sama pihak berkepentingan, untuk membentuk sebuah jawatankuasa yang mengemas kini antara satu sama lain dalam agenda penggalakan kesihatan nasional.
Apa yang boleh dilakukan dari segi khidmat dan sokongan untuk menggalakkan gaya hidup sihat?	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertimbangkan untuk menerokai aktiviti dalam talian dan inisiatif-inisiatif berdasar komuniti bagi capaian yang lebih baik.


Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan

TOPIK: MENGEKALKAN PEMULIHARAAN AIR & ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	
ISU DIKETENGAHKAN	SARANAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN UNTUK NESTLÉ
Kebimbangan terhadap kurang kesedaran dan pemahaman di kalangan masyarakat tentang kepentingan dan keperluan untuk memastikan kelestarian air dan alam sekitar.	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan kempen sempena dengan peristiwa alam sekitar yang utama seperti Hari Air Sedunia atau <i>Earth Hour</i>. • Untuk membandingkan kesan air Nestlé Malaysia terhadap pesaing dan membentangkan keputusan tersebut. • Untuk menjalankan kempen kebangsaan bagi pemuliharaan air untuk membangkitkan kesedaran di seluruh negara. • Untuk memupuk amalan pemuliharaan air di kalangan murid-murid sekolah dan untuk menggalakkan mereka memikirkan idea untuk menyelesaikan masalah alam sekitar secara kreatif melalui pendekatan dan reka bentuk yang inovatif. • Untuk menerangkan hubungan di antara kepentingan kualiti air dan kesihatan manusia. • Untuk memasukkan maklumat mengenai pemuliharaan air pada bungkusan produk.
Bagaimana lagi Nestlé Malaysia boleh menyumbang untuk membangunkan masyarakat luar bandar?	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk melibatkan diri dengan generasi muda dalam masyarakat luar bandar, melalui kerjasama dengan NGO yang memberi fokus utama dalam membina keusahawanan sosial di kalangan belia. • Untuk melibatkan diri dengan lebih ramai masyarakat setempat melalui inisiatif perladangan kontrak, bagi mendapatkan bahan mentah, yang pada masa ini diperolehi daripada pasaran terbuka, contohnya serai atau halia.

DIAGRAM 1 – STRATEGI PENGLIBATAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN



DIAGRAM 2 – PROSES PENGLIBATAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN



Tadbir Urus

Lembaga Penasihat CSV menyediakan Nestlé dengan pelbagai idea-idea, cadangan dan maklumbalas yang membantu menilai kemajuan, peluang and cabaran kami.

Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah cara kami mengendalikan perniagaan. Ia merupakan falsafah perniagaan kami, yang menyatakan bahawa kami bukan sahaja harus menjana nilai untuk para pemegang saham tetapi juga untuk masyarakat, di mana setiap aktiviti yang kami jalankan, secara langsung atau tidak langsung, memiliki pernyataan nilai bagi Nestlé dan masyarakat secara amnya.

NESTLÉ S. A. - PERINGKAT GLOBAL

Di peringkat global, yang mana Nestlé S.A. dan dalam struktur tadbir urus korporat am Nestlé, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah Eksekutif dengan sokongan badan urus tadbir lain bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengurusan peranan Nestlé dalam masyarakat dan CSV.

Lembaga Pelarasan CSV suku tahunan juga telah ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan strategik inisiatif CSV bagi keseluruhan operasi perniagaan di Nestlé secara global. Ia juga menerajui perkembangan dan evolusi CSV dan kemapanan objektif dan strategi di peringkat Kumpulan. Sila rujuk Diagram 3 di halaman 15.

Lembaga Penasihat CSV Nestlé bermesyuarat dua kali setahun untuk tinjauan lanjut dan mengembangkan konsep CSV, menganalisis rangkaian nilai Nestlé bagi mencadangkan tindakan-tindakan yang berpotensi bagi Nestlé. Ia juga terlibat dalam Forum CSV tahunan. Terdiri daripada 12 pakar terkemuka di dunia dalam bidang strategi korporat, Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar, Lembaga Penasihat menyediakan Syarikat dengan pelbagai idea-idea, cadangan dan maklumbalas, yang akan membantu menilai kemajuan, memastikan pembangunan mampan, kesinambungan dan kesan sosial dan ekonomi yang positif daripada strategi perniagaan CSV. Idea dan cadangan akan dilaporkan kepada Nestlé S. A., yang kemudiannya akan disebar kepada pasaran-pasaran Nestlé untuk dilaksanakan. Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé S. A., Paul Bulcke, turut menganggotai kedua-dua Lembaga Pengarah bagi memastikan keseragamannya. Untuk senarai pakar-pakar yang menganggotai Lembaga Penasihat, sila layari: <http://www.nestle.com/csv/nestle/governance>

NESTLÉ MALAYSIA - PERINGKAT TEMPATAN

Di Nestlé Malaysia, Majlis CSV telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk memastikan bahawa CSV wujud di setiap kategori dan operasi jenama tempatan. Diketuai oleh Jabatan Hal Ehwal Korporat Kumpulan (GCAD), majlis yang terdiri daripada wakil-wakil, yang dipanggil Juara CSV, dari semua Unit Perniagaan dan fungsi sokongan. Sila rujuk Diagram 4 di halaman seterusnya.

Juara CSV bertanggungjawab dalam penetapan Unit Perniagaan atau inisiatif Fungsi CSV mereka dan memastikan semua aktiviti dijalankan sejajar dengan polisi Syarikat berhubung kemampanan dan CSV. Mereka juga bertindak sebagai Juara *Global Reporting Initiative* (GRI), dan bertanggungjawab untuk memantau aktiviti dan penilaian yang diperlukan serta memastikan prosedur pelaporan yang tepat dipatuhi berdasarkan piawaian dan garis panduan pelaporan GRI.

DIAGRAM 3 – TADBIR URUS MENJANA NILAI BERSAMA, KEMAMPANAN DAN PEMATUHAN KUMPULAN NESTLÉ




DIAGRAM 4 – PEMBANGUNAN STRATEGI CSV SECARA GLOBAL DAN KAEDAH PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA



Ringkasan Data Prestasi Utama

Sejajar dengan Global Reporting Initiative (GRI), kami telah menyertakan satu set petunjuk ekonomi dalam Laporan tahun ini:

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
The Marketplace				
Produk memenuhi atau melebihi kriteria profil Asas Pemakanan (% jualan)	#	78%	78%	78%
Produk memenuhi atau melebihi pilihan citarasa pengguna (% jualan)	#	78%	80%	89%
Produk dengan tambahan khasiat pemakanan berbanding pesaing (% jualan)	#	54%	52%	53%
Produk dengan kenyataan nutrisi di hadapan bungkusan	PR3	68%	67%	62%
Produk yang disertakan dengan KOMPAS PEMAKANAN NESTLÉ (% jualan)	PR3	100%	100%	100%
Produk dengan label Garis Panduan Jumlah Harian (GDA) (% jualan)	PR3	69%	98%	98%
Kesan Alam Sekitar Kami				
Jumlah tenaga (GJ)	EN5	1,501,802	1,479,099	1,526,031
Jumlah tenaga setiap tan (GJ/tan)	EN5	4.13	3.94	3.82
Jumlah pelepasan tenaga rumah hijau (tan CO ₂)	EN16	160,029	158,991	172,248
Jumlah air dibuang oleh sumber (m ³ /tahun)	EN8	1,802,451	1,734,455	1,863,027
Jumlah air dikitar semula setiap penggunaan semula (m ³ /tahun)	EN10	19,278	80,710	80,710
Sisa tapak pelupusan (tan) *	EN22	2,386	4,698	1,990
Bahan dikitar semula (tan)	EN22	7,091	11,561	13,303 ¹
Warga Kerja Kami				
Saiz tenaga kerja	LA1	5,424	5,881	5,847
Kadar Kekerapan Kehilangan Masa Kecederaan	LA7	1.16	1.13	1.45
Kedudukan pemimpin dipegang oleh wanita	LA13	29%	42%	42%

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
Komuniti Kami				
<i>Bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam program intervensi Nestlé Healthy Kids:</i>				
- Modul Sekolah Rendah		222	189	136
- Modul Sekolah Menengah		–	4,954	4,954
<i>Projek Rileaf:</i>				
Bilangan pokok yang telah ditanam		32,567	90,884	56,706
Jumlah pembelian benih daripada KAPOK (RM)		RM65,134	RM128,353.50	RM85,059
Jumlah keseluruhan kerja kontrak untuk penanaman pokok (RM)		RM32,415	RM164,671.20	RM102,077.60
<i>Kelab Padi Nestlé:</i>				
Bilangan pesawah yang terlibat		104	289	312
Jumlah keseluruhan hektar yang diliputi		274	765	807 ¹
Potensi maksimum bilangan kanak-kanak terlibat dengan Projek Pusat Pembelajaran Komuniti Nestlé - Raleigh		60	71	67
Bilangan ahli PEWANIS terlibat dalam Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia (aktif & tidak aktif)		33	13	20
Jumlah kem yang dilancarkan di bawah kempen MILO GO FURTHER CAMPS		12	12	12
<i>Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKs)</i>				
Bilangan sukarelawan (warga kerja & bukan warga kerja) ²		247	221	209
Jumlah masa (jam) sukarelawan		592.5	1,193	952
Ekonomi				
KESAN OPERASI				
Bilangan jumlah kilang	#	7	7	7
PENJANAAN NILAI (RM'000)				
Jumlah jualan bagi Malaysia	EC1	RM4,246,744	RM4,556,243	RM4,787,925
PENGEDARAN NILAI (RM'000)				
Perolehan		RM4,246,744	RM4,556,243	RM4,787,925
Kos operasi		RM804,781	RM896,309	RM963,375
Cukai		RM131,681	RM132,316	RM157,353
Keuntungan bersih		RM427,128	RM505,352	RM561,701
Pendapatan sesaham (sen) ³		182.14	215.50	239.53
Dividen bersih sesaham (sen)		180.00	210.00	235.00
Hasil dividen		3.2%	3.3%	3.5%

* Nota: Enap cemar adalah termasuk dalam sisa buangan untuk laporan 2012.

Penanda khusus Nestlé.

¹ Setakat Ogos 2013.

² Anggaran data pelupusan sisa pepejal untuk 2013 adalah berdasarkan data Pemantauan Keselamatan, Kesihatan dan Prestasi Alam Sekitar (SHE-PM) seperti yang dilaporkan oleh kilang-kilang Nestlé Malaysia.

³ Pendapatan sesaham berdasarkan keuntungan selepas cukai.



Atlet muda yang menyertai Pertandingan *Kids' Athletics* mempamerkan semangat kesukanan. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada Kursus *Kids Athletics* yang dianjurkan oleh *International Association of Athletics Federation*, program pembangunan sukan akar umbi yang dilaksanakan oleh Nestlé Malaysia melalui kerjasama dengan Kesatuan Olahraga Malaysia, bagi meningkatkan lagi program *Nestlé Healthy Kids* di Malaysia.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

Tanggungjawab Nestlé melangkaui para pemegang saham, warga kerja dan pengguna kami. Selain daripada menghasilkan makanan yang sihat, lazat dan berkhasiat, Nestlé komited untuk memainkan peranan kami dalam memformulasikan semula produk kami setiap tahun, berkomunikasi secara bertanggungjawab dengan para pengguna kami dan mempromosikan program gaya hidup sihat dan sebagainya. Ini adalah sejajar dengan aspek pemakanan, salah satu bidang yang menjadi fokus CSV kami, memandangkan makanan merupakan asas kesihatan dan teras perniagaan kami.

Berdasarkan keyakinan bahawa 'Good Food' adalah asas kepada 'Good Life', kami mensasarkan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berkembang maju dan mampan dengan menangani isu-isu berkaitan dengan kesihatan seperti kekurangan zat pemakanan dan obesiti, gaya hidup pasif dan penuaan populasi.

Nestlé Healthy Kids, Program bagi Mempromosikan Gaya Hidup Sihat

Nestlé Healthy Kids merupakan satu inisiatif global bagi meningkatkan kesedaran tentang pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan serta menggalakkan aktiviti-aktiviti fizikal di kalangan murid-murid sekolah di seluruh dunia. Di Nestlé Malaysia, program ini terdiri daripada dua modul – yang pertama disasarkan untuk murid-murid sekolah rendah dan yang kedua untuk pelajar-pelajar sekolah menengah.

Modul sekolah rendah – yang merupakan program *Nestlé Healthy Kids* yang pertama telah dilancarkan oleh Nestlé Malaysia pada bulan Ogos 2010 dan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia, untuk meningkatkan pengetahuan tentang pemakanan dan mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan murid-murid sekolah yang berumur 7-12 tahun. Program ini terbahagi kepada dua bahagian yang termasuk dengan laman web khusus (www.healthykids.org.my) untuk mendekati orang ramai dan komponen penyelidikan selama tiga tahun yang melibatkan kumpulan intervensi. Ini menghasilkan pembangunan modul pendidikan, yang akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dengan harapan bahawa ia akan digunakan oleh semua sekolah di negara ini.

Tahun 2013 juga menyaksikan pelaksanaan siri Seminar Guru yang melibatkan guru-guru dari tiga buah sekolah. Seminar ini memberikan guru-guru perkembangan terkini mengenai masalah pemakanan semasa di kalangan kanak-kanak sekolah dan kepentingan pemakanan serta gaya hidup sihat dalam pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) di kalangan generasi muda.

Di samping itu, dalam menyokong kerjasama global selama lima tahun antara Nestlé dan *International Association of Athletics Federations* (IAAF), Nestlé

Malaysia bekerjasama dengan Kesatuan Olahraga Malaysia untuk melatih para pensyarah yang terpilih dan jurulatih melalui Kursus *Kids Athletics* IAAF.

Bermatlamat untuk membangunkan dan memperkukuh komponen aktiviti fizikal dalam program *Nestlé Healthy Kids*, kursus ini menyediakan para pensyarah dan jurulatih dengan kaedah untuk mendidik kanak-kanak tentang sukan secara umum, pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif. Ini adalah penting untuk menarik, membangun dan mengekalkan masa depan atlet dalam komuniti sekolah. Program selama tiga hari berakhir dengan kemuncaknya dengan pertandingan *Kids Athletics* yang melibatkan murid-murid dari sekolah-sekolah yang berhampiran. Inisiatif ini telah melibatkan penyertaan seramai 248 murid-murid sekolah dan telah melatih 216 individu sebagai pensyarah/jurulatih *Kids Athletics*:

- Pelancaran Kursus *Kids Athletics* – 16-18 Ogos di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil
- Kursus Kejurulatihan *Kids Athletics* – 25-26 Oktober di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil
- Kursus Kejurulatihan *Kids Athletics* – 8-9 November di Kluang, Johor
- Kursus Kejurulatihan *Kids Athletics* – 15-16 November di Alor Setar, Kedah

216 peserta

telah dilatih sebagai pensyarah/jurulatih dalam Kursus *Kids Athletics*, yang membawa manfaat kepada 248 orang murid sekolah

4,200 kanak-kanak

telah mendapat manfaat daripada MILO *Go Further Camp*

5,040 pelajar

dari 16 buah sekolah di seluruh negara telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



Pertandingan Olahraga Kanak-kanak yang bertujuan mencungkil bakat olahraga di kalangan murid sekolah telah diadakan di Pusat Sukan Negara di Bukit Jalil.

Di samping itu, modul sekolah menengah iaitu Program Cara Hidup Sihat, adalah satu program intervensi yang bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan pengetahuan serta amalan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan pelajar sekolah menengah dari 100 buah sekolah asrama harian seluruh negara¹. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia dan telah melibatkan penyertaan sejumlah 4,954 orang pelajar, 203 orang guru dan warden serta 332 orang guru, pengusaha kantin dan ketua tukang masak. Untuk maklumat lanjut mengenai program ini, sila rujuk kajian kes di muka surat 22.

Matlamat kami adalah untuk mencapai seramai 10,000 orang murid sekolah melalui modul Sekolah Rendah dan Menengah menjelang akhir 2014. Prestasi tahun-ke-tahun kami terhadap sasaran ini dipaparkan di muka surat 24.

Galakkan Bermain melalui Kem Sukan

MILO percaya bahawa bermain adalah aspek yang penting bagi perkembangan kanak-kanak dan juga penting untuk memastikan bahawa mereka boleh mencapai potensi sepenuhnya dalam kehidupan mereka di masa hadapan. Berdasarkan kepercayaan ini, MILO melancarkan inisiatif *Go Further Camp* bagi menggalakkan kanak-kanak untuk mengambil bahagian di dalam sukan dan sekaligus memupuk nilai baik yang akan membantu mereka membesar dengan sihat.

Kem setengah hari ini menyaksikan jurulatih profesional membimbing kanak-kanak dalam kemahiran sukan, manakala ibu bapa mengambil bahagian dalam sesi pengetahuan pemakanan asas yang dijalankan oleh pakar pemakanan. Setakat ini, 12 buah kem telah dijalankan yang melibatkan penyertaan seramai 4,200 orang kanak-kanak.

Melangkah ke hadapan, MILO juga merancang untuk membaik pulih beberapa lokasi dan kemudahan sukan bagi menggalakkan kanak-kanak dan juga masyarakat setempat untuk terlibat dalam amalan bersukan dan gaya hidup yang aktif.

Memupuk Minat Masakan di kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Dimulakan pada tahun 1997 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru Ekonomi Rumah Tangga, Unit Teknikal dan Vokasional Negeri dan Unit Ko-kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri, Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI ini,

¹ 100 Sekolah Asrama Harian terpilih di seluruh negara, termasuk Sabah & Sarawak dan 50 kumpulan kawalan untuk kajian dan penyelidikan UPM.



MILO *Go Further Camps* merupakan kem sukan yang merangkumi klinik bimbingan oleh jurulatih profesional untuk membimbing kanak-kanak dalam kemahiran sukan dan nilai-nilai hidup.



Cef muda mempamerkan kemahiran masakan mereka sambil dihakimi oleh cef selebriti Florence Tan semasa Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI.

bertujuan untuk memupuk minat memasak di kalangan murid sekolah menengah. Ia juga menjurus ke arah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan makanan berkhasiat dan pengambilan diet yang sihat dan seimbang, serta mempromosikan seni kulinari sebagai kerjaya pilihan alternatif.

Bermatlambat bagi memberi inspirasi kepada cef muda yang berusia antara 13 hingga 15 tahun dari sekolah menengah rendah seluruh Malaysia, pertandingan ini memerlukan setiap negeri untuk menganjurkan pertandingan tahunan, termasuk peringkat daerah dan negeri dalam mencari pemenang yang akan mewakili mereka dalam cabaran memasak kebangsaan.

Pusingan Akhir menyaksikan 80 orang peserta - 48 orang pelajar dan 32 orang guru daripada seramai 5,040 orang peserta - dari 16 buah sekolah yang mewakili negeri masing-masing dalam menyediakan tiga hidangan makan malam yang sihat dalam masa 90 minit. Pasukan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Razali, Selangor, yang menunjukkan kecemerlangan dalam semua kriteria - termasuk rasa, kemahiran, kreativiti, persembahan, bahagian sajian, nilai pemakanan, kebersihan, keselamatan dan kerja berpasukan - telah muncul sebagai juara dalam pertandingan ini. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, sijil, piala dan hamper MAGGI. Di samping itu, pihak sekolah juga menerima wang tunai RM1,000 bagi dana Kemahiran Hidup Bersepadu.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

KAJIAN KES



Guru-guru dan warden yang menerima taklimat tentang kandungan dan pelaksanaan modul pendidikan HEBAT di sesi *Train-the-Trainer*.

Program Cara Hidup Sihat

Menggalakkan Amalan Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat

Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2011 menunjukkan bahawa 11% daripada remaja Malaysia yang berumur antara 10 hingga 17 tahun, sama ada mempunyai berat badan berlebihan atau adalah obes. Kajian itu juga mendedahkan bahawa tiga suku daripada mereka mengambil kurang daripada lima hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan setiap hari.

Untuk menangani isu ini, Nestlé telah melancarkan program intervensi yang dipanggil Program Cara Hidup Sihat pada bulan Disember 2012, disasarkan kepada pelajar sekolah menengah rendah dari 100 sekolah asrama harian terpilih seluruh negara. Program ini merupakan sebahagian daripada Program *Global Nestlé Healthy Kids*. Dilaksanakan dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia (MoE) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), program tiga tahun (2012 – 2014) ini bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan pengetahuan serta amalan pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif di kalangan para pelajar, guru dan warden, serta pengendali makanan yang bertanggungjawab untuk menyediakan dan menghidangkan makanan harian.


Objektif utama program intervensi ini adalah untuk menentukan status pemakanan pelajar, termasuk indeks jisim badan (BMI), pengambilan pemakanan dan tahap aktiviti fizikal, serta Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) cara hidup yang sihat di kalangan sasaran sebelum dan selepas program intervensi.

Pelaksanaan *Program Cara Hidup Sihat* merangkumi dua fasa, fasa pertama dari 2012 hingga 2013; dan yang kedua, sedang dijalankan, dari 2013 hingga 2014. Dua fasa menyaksikan sesi latihan yang dijalankan berdasarkan kepada modul '*Healthy Eating & Be Active among Teens*' (HEBAT) yang telah dibangunkan oleh Nestlé, yang terdiri daripada 10 tajuk yang memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan pelajar sekolah menengah, termasuk pemakanan dan aktiviti fizikal. 10 tajuk tersebut adalah:

- Tahukah Anda Status Berat Badan Anda?
- Keseimbangan Tenaga dan Status Berat Badan Anda
- Makan secara Sihat
- Cara Hidup Aktif
- Kekal Aktif secara Selamat
- Pilih Makanan secara Bijak
- Baca Label Makanan
- Rancang Menu Sihat Anda
- Bersenam untuk Kesihatan
- Amalkan HEBAT Sepanjang Hayat

Nestlé turut mengadakan dua sesi '*Train-the-Trainer*', di mana guru-guru dan warden telah diberi taklimat mengenai objektif bagi setiap topik dan dilatih mengenai cara-cara terbaik untuk menyampaikan sesi kepada pelajar dan menggunakan alat sokongan pembelajaran yang lengkap dalam kit modul HEBAT. Di samping itu, para pengendali makanan juga telah dilatih mengenai asas kebersihan dan keselamatan makanan, pengetahuan mengenai amalan gaya hidup sihat dan menyediakan hidangan yang sihat melalui pengubahsuaian bahan-bahan, yang ditunjukkan oleh Cef Nestlé Professional.

CARTA 1 - PENINGKATAN DALAM PENGETAHUAN, SIKAP & AMALAN



Carta menunjukkan peningkatan positif dalam Pengetahuan, Sikap dan Amalan antara para peserta berbanding mereka dalam kumpulan kawalan.

Pencapaian Fasa 1

Seramai 203 orang guru dan warden telah dilatih melalui sesi 'Train-the-Trainer'. Kami juga telah menjalankan satu sesi 'Training for Food Operators' yang berkenaan dengan pengendalian dan penyediaan makanan, yang dihadiri oleh 332 orang peserta, terdiri daripada guru, pengusaha kantin dan ketua tukang masak. Fasa pertama program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan menyaksikan peningkatan positif dalam markah Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) cara hidup sihat di kalangan para peserta berbanding dengan kumpulan kawalan.

Perkembangan Seterusnya

Nestlé akan terus melatih para peserta pada suku pertama 2014 (akhir Fasa 2). Di akhir program ini, Nestlé akan membentuk modul gaya hidup sihat dan berkongsi pendekatan ini dengan Kementerian Pendidikan, dengan tujuan untuk melaksanakan modul ini di semua sekolah-sekolah di Malaysia.

"Program ini amat berfaedah untuk semua termasuk diri saya dan keluarga saya sendiri. Saya berjaya mengurangkan lapan kilogram sejak saya menghadiri sesi Fasa 1 'Train-the-Trainer' pada bulan September 2012" kata Encik Thomas Balan, warden SMK Marudi, Sarawak.

Sebanyak **100** sekolah berasrama harian di seluruh negara menerima manfaat daripada Program ini

Seramai **332** guru, pengendali kantin dan ketua tukang masak telah dilatih untuk menyediakan hidangan yang lebih sihat dan lazat, sambil mengurangkan kandungan garam dan lemak dalam masakan mereka

Sejumlah **203** guru dan warden telah dilatih untuk menggunakan modal pendidikan

Seramai **4,954** pelajar telah terlibat dalam pelaksanaan modul HEBAT

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

KOMUNITI KAMI - PRESTASI KAMI

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
PROJEK KOMUNITI UTAMA				
Program Nestlé <i>Healthy Kids</i>				
Modul Sekolah Rendah ¹				
Bilangan sekolah yang terlibat		6	6	6
Jumlah bilangan pelajar yang terlibat dalam program intervensi		222	189	136
Jumlah bilangan kunjungan ke laman web <i>Healthy Kids</i>		5,105	50,159	51,395
Jumlah bilangan laman yang dilihat di laman web <i>Healthy Kids</i>		26,681	182,896	164,303
Modul Sekolah Menengah				
Bilangan sekolah yang terlibat		–	100	100
Jumlah bilangan pelajar yang terlibat dalam program intervensi		–	4,954	4,954
Jumlah bilangan guru dan warden yang dilatih dalam modul pendidikan		–	203	203
Jumlah bilangan guru, pengusaha kantin dan ketua tukang masak yang dilatih dalam masakan sihat		–	332	332
IAAF Kids' Athletics				
Jumlah bilangan pelajar yang terlibat		–	–	248
Jumlah bilangan jurulatih yang dilatih		–	–	216
Kelab Padi Nestlé, Kedah ²				
Bilangan pesawah yang terlibat		104	285	312
Hasil purata bagi musim utama (Ogos - September)		6.0MT/ha	6.85MT/ha	7.06MT/ha
Hasil purata bagi luar musim (Januari – Februari)		4.48MT/ha	5.02MT/ha	N/A
Jumlah hektar		274	765	807 *
Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia ³				
Bilangan anak pokok bakau yang ditanam	EN13	761	640	1,065
Program <i>outreach</i> (di luar Kg. Mangkuk)		4	5	5
Bilangan ahli PEWANIS:				
i) Ahli yang aktif	#	33	10	15
ii) Ahli kurang aktif	#	N/A	3	5
iii) Ahli-ahli lain (Ahli bersekutu & kehormat, penasihat & juruaudit)	#	6	23	25
Projek Pusat Pembelajaran Komuniti bersama Raleigh International ⁴				
Bilangan sukarelawan Raleigh	#	67	32	78
Potensi maksimum bilangan kanak-kanak yang terlibat	#	60	71	67

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKs) ⁵				
Bilangan aktiviti	#	13	19	11
Bilangan sukarelawan:				
i) Kakitangan	#	240	212	205
ii) Bukan kakitangan	#	7	9	4
Jumlah bilangan jam sukarelawan	#	592.5	1,193	952
KEM MILO GO FURTHER ⁶				
Bilangan kem yang dilancarkan	#	12	12	12
Bilangan penyertaan		4,000	4,140	4,200
Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI ⁷				
Bilangan sekolah yang terlibat		1,600	1,600	1,680
Bilangan pelajar yang mengambil bahagian		4,800	4,800	5,040
Kejohanan Taekwondo Junior KOKO KRUNCH ⁸				
Bilangan yang mengambil bahagian		1,375	1,800	1,800

* Setakat Ogos 2013

Penanda khusus Nestlé

¹ Sumber: Pengoptimuman Laporan Enjin Carian Google Analitis, dari Januari hingga Disember 2013 Persatuan pemakanan Laporan penuh aktiviti Malaysia 2013.

² Sumber: Laporan Hasil oleh pengilang padi di Kedah (Ban Eng Hin & Chuan Huat Bee Kah).

³ Sumber: Laporan Kemas Kini Projek 2013 oleh WWF-Malaysia.

⁴ Sumber: Pengarah Negara Raleigh Borneo, bermula Januari - Disember 2013. Pada tahun 2013, kami telah melancarkan 2 Pusat Pembelajaran Komuniti di Kg. Bonor, Sook dan Kg. Togudon, Donggongon.

⁵ Sumber: Laporan Kehadiran oleh Bahagian Sumber Manusia Kumpulan Nestlé, Januari-Disember 2013.

⁶ Sumber: Pelbagai artikel media oleh Pasukan Jenama MILO dan agensi pihak ketiga.

⁷ Sumber: Surat penghargaan rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bertarikh 1 November 2013.

⁸ Sumber: Pelbagai artikel media oleh Pasukan Jenama Bijirin Sarapan dan agensi pihak ketiga.



Ahli KAPOK (Komuniti Anak Pokok Kinabatangan) menanam semula anak pokok hutan di sepanjang Sungai Kinabatangan, sebuah laluan air yang penting di wilayah ini. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada Projek RiLeaf, usaha penghutanan semula tepian sungai dan inisiatif kemampanan minyak sawit yang bertujuan mengekalkan salah satu ekosistem terkaya di dunia dengan mewujudkan landskap di mana alam semula jadi, manusia dan pertanian boleh wujud bersama.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

Berkongsi Visi, Perjalanan dan Kesan Alam Sekitar Kami

Mengimbangi Alam Semula Jadi, Mengimbangi Perolehan

Visi alam sekitar Nestlé melangkaui amalan semasa dalam meminimumkan kesan alam sekitar kami dan menyokong konsep pengurusan modal asli yang lebih luas.

Nestlé sedar bahawa kejayaan jangka panjang Syarikat bergantung kepada kemampuan modal asli dunia, yang terdiri daripada mineral, hidrologi, fosil, sumber-sumber biologi dan semua yang kami gunakan untuk mengeluarkan produk-produk kami.

Di samping penggunaan sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti bahan api fosil yang akhirnya akan membawa kepada kehilangan modal asli, kami percaya bahawa kami boleh menjalankan perniagaan secara mampan melalui bahan-bahan mentah, sumber dengan bertanggungjawab melaksanakan amalan terbaik dalam bidang pertanian, menguruskan sumber air secara bertanggungjawab, mengoptimalkan penggunaan tenaga dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Sebagai syarikat makanan terbesar di dunia yang menukar produk-produk pertanian yang mudah rosak kepada makanan dan minuman yang berkhasiat, Nestlé peka terhadap obligasinya untuk berbuat demikian dengan kesan yang terendah mungkin kepada alam sekitar, untuk memastikan lembaranimbangan alam semula jadi berada dalam keseimbangan.

Strategi Kami

Nestlé Malaysia menasaskan untuk mencapai tiga objektif berikut bagi 2013:

1. Mengurangkan secara khusus Penggunaan Air (m³/tan produk) sebanyak 4% *
2. Mengurangkan secara khusus Penggunaan Tenaga (GJ/tan produk) sebanyak 2% *
3. Mengurangkan jumlah Sisa Pepejal yang mutlak sebanyak 10% *

Untuk menangani setiap objektif secara berkesan, kami telah melakukan beberapa program pengurangan di semua lokasi operasi kami, iaitu tujuh buah kilang di Malaysia. Program-program ini dipantau di peringkat global melalui struktur laporan perisian berpusat.

Objektif dan inisiatif ini diterjemahkan kepada komitmen yang teguh di seluruh Syarikat bagi memastikan bahawa setiap individu yang berkaitan dengan Syarikat memahami kepentingan usaha-usaha perlindungan alam sekitar.

Antara usaha yang kami lakukan untuk menilai kesan operasi kami dan meluaskan rangkaian nilai adalah dengan sentiasa meneliti Aspek Persekitaran Umum dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EA EI) bagi semua operasi kami, dan melakukan Penilaian Kitaran Hayat yang terpilih untuk bahan pembungkusan kami.

Kami menggunakan tiga strategi utama untuk terus meningkatkan prestasi alam sekitar kami:

- Mengukuhkan Rutin Standard Kami** – untuk memastikan bahawa kami ‘cemerlang pada asas’. Penyelenggaraan dan pemantauan rutin telah dilaksanakan untuk mengelakkan kebocoran tenaga, dan kami mengamalkan falsafah Pengurusan Prestasi Keseluruhan (TPM) bagi sistem pengurusan penyelenggaraan kami bagi memastikan kelancaran operasi dan mengelakkan pembaziran di semua peringkat.
- Merasionalisasikan operasi kami** – di mana yang boleh dilaksanakan, produktiviti peralatan kami dimaksimumkan untuk mencapai skala ekonomi dan program pengurangan pembaziran dijalankan dengan sokongan daripada kumpulan kerja fokus.
- Pelaburan dalam Teknologi & Automasi Baru** – Dengan sokongan padu daripada pakar-pakar industri, Nestlé sentiasa mencari peralatan dan teknologi yang membantu mengurangkan kesan alam sekitar kami, seperti peralatan cekap tenaga tinggi, automasi dengan kawalan maklum balas yang tepat, unit pemuliharaan tenaga haba dan penyulingan Reverse Osmosis (RO) yang akan membolehkan kami menggunakan semula air untuk operasi kami.

* Semua pengurangan adalah perbandingan angka tahun 2012.

Kelab Padi Nestlé mempunyai keanggotaan seramai

312 pesawah

yang mengusahakan lebih 807 hektar, dengan hasil keluaran pada purata sebanyak 7.06 tan metrik sehektar.

Nestlé Malaysia telah berjaya menanam lebih daripada

180,157 pokok

di sepanjang tebingan Sungai Kinabatangan di Sabah sebagai sebahagian daripada Projek RiLeaf setakat tahun 2013.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar



Gelembung peresap di loji rawatan sisa air kami di kilang Chembong.

Strategi-strategi utama ini akan dipantau dan dilaksanakan di semua kilang kami melalui rangkaian antara bahagian Teknikal & Pengeluaran. Pendekatan selari ini juga membolehkan kami meningkatkan aspek pembelajaran dan sokongan operasi pelbagai kilang.

Pengurusan Air – Keutamaan Kami

di peringkat global, sektor pertanian menggunakan kira-kira 70% daripada air tawar dan digabungkan dengan peningkatan kemewahan dan corak gaya hidup, kita akan menuju ke arah krisis air, yang mempunyai kesan yang serius terhadap kemampuan bekalan makanan. Dalam keseluruhan rantaian makanan – daripada pertanian kepada pembuatan dan pengguna, menyumbang kepada pengurangan tenaga sumber berharga ini, kedua-dua dari segi ketersediaan dan kualiti.

Sebagai pengasas yang telah menandatangani 'UN Global Compact CEO Water Mandate' dan merupakan ahli utama *Water Environment and Federation Water Task Force* dan *2030 Water Resources Group*, Nestlé S.A. telah menjadikan pengurusan air sebagai keutamaannya.

Air adalah sumber penting bagi operasi pembuatan kami dan kekurangannya yang semakin meningkat merupakan ancaman utama kepada kemampuan perniagaan kami. Oleh itu, kami mempunyai inisiatif dan dasar yang berterusan:

- Mengurangkan jumlah air yang dikeluarkan sepanjang proses pengeluaran kami
- Memastikan bahawa aktiviti-aktiviti air kami menepati sumber air tempatan
- Memastikan lebih air yang dilepaskan ke alam sekitar adalah bersih

- Melibatkan diri dengan vendor, pembekal dan petani kami untuk menggalakkan pemuliharaan air
- Bekerjasama dengan pihak lain untuk mewujudkan kesedaran dan pendidikan tentang aspek kritikal pemuliharaan air dalam pelbagai komuniti di mana kami beroperasi

Pada tahun 2013, walaupun terdapat perkembangan dalam program pengurangan air kami, Kumpulan telah mencatatkan penggunaan air khusus sebanyak 4.67m³ air/tan produk berbanding dengan 4.62m³ air/tan pada tahun 2012. Sedikit peningkatan dalam penggunaan adalah disebabkan oleh keperluan pengeluaran operasi, di mana pembersihan tambahan diperlukan untuk meningkatkan kualiti pemprosesan kami.

Selain daripada penggunaan langsung air dalam operasi kami, kami juga sedang mencari kaedah untuk mengurangkan penggunaan air sepanjang rantaian bekalan. Ini termasuk Penyelidikan & Pembangunan berterusan dengan para pembekal beras kami dalam penanaman padi *semi-aerobic* yang di mana keputusan awal menunjukkan antara 30% hingga 50% penjimatan air berbanding penanaman padi tanah bench konvensional.

Kami juga menjalankan program-program kesedaran dan pendidikan dengan para petani kontrak kami dan agensi berkaitan, di mana kami berkongsi amalan terbaik dan prestasi alam sekitar kami dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan.

Memandang ke hadapan untuk 2014, Nestlé sedang memasang penapisan *Reverse Osmosis* bagi air isian dandang, dan memanfaatkan air hujan bagi operasi yang bukan boleh diminum. Tapak perintis akan dikenal pasti untuk pelaksanaan pada 2014.

Kami juga mengkaji untuk mewujudkan kumpulan projek bersilang fungsian, yang akan terdiri daripada kakitangan Pengeluaran, Prestasi Industri dan Teknikal untuk mengoptimalkan penggunaan air dalam operasi kami, khususnya di mana penyelesaian langsung tidak sedia dan terdapat dengan jelas.



Projek RiLeaf

Komitmen kami terhadap air dan alam sekitar seterusnya dapat dilihat melalui Projek RiLeaf, yang dilancarkan pada 2011. Projek penghutan semula ini bermatlamat untuk mencapai kesinambungan hutan, serta mengurangkan pencemaran air daripada pendedapan dan sisa buangan pertanian dengan pemulihan zon penanaman 'hijau' di kawasan rendah sepanjang Sungai Kinabatangan di Sabah. Berikutan dengan penanaman pokok yang berjumlah 123,451 di sepanjang tebing sungai untuk meraikan sambutan ulang tahun ke seratus kami pada tahun 2012, kami telah menanam sejumlah 56,706 batang pokok lagi pada tahun 2013. Ini bermakna bahawa kami berjaya menanam sebanyak 180,157 batang pokok sejak projek ini dimulakan.

Projek ini juga menyaksikan penglibatan Nestlé dalam pembinaan keupayaan masyarakat tempatan, di mana kami bekerja dengan dan membeli anak pokok hutan daripada

Selepas mereka bermesyuarat di Sandakan pada Ogos 2013, Lembaga Pengarah kami mengambil peluang untuk melawat tapak Projek RiLeaf, di mana mereka mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok.

KAPOK (Komuniti Anak Pokok Kinabatangan), pengeluar benih hutan berasaskan komuniti, yang terdiri daripada usahawan dari empat kampung di kawasan tersebut.

Selain aktiviti riparian, kami juga bekerjasama dengan pekebun kecil kelapa sawit untuk menyampaikan pengetahuan tentang Amalan Pertanian Baik yang bertujuan untuk mengurangkan kesan alam sekitar

minyak kelapa sawit dan menggalakkan pengeluaran minyak sawit persijilan RSPO.

Satu kajian saintifik juga telah dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah tentang pendekatan inovatif mikrob untuk menangani Ganoderma, sejenis penyakit terbesar yang menjejaskan industri penanaman kelapa sawit.

Pada bulan November 2013, projek ini telah diberi nafas baru dengan menandatangani perjanjian usaha sama dengan Yayasan Sime Darby. Perjanjian ini akan membawa Project RiLeaf ke peringkat seterusnya, dengan lebih banyak dana untuk disalurkan ke arah pengurusan dan pengoptimuman sumber-sumber untuk projek yang lebih baik.

Menjelang akhir 2014, kami berhasrat untuk menanam sejumlah 280,000 pokok. Prestasi tahun-atas-tahun kami berbanding sasaran ini dipaparkan pada halaman 17.

Menangani Perubahan Iklim – Pengurusan Tenaga dan Gas Rumah Hijau

Perubahan iklim membawakan pelbagai cabaran kepada perniagaan kami, dengan pemanasan global memberi kesan kepada rantaian bekalan pertanian kami dan memburukkan lagi dengan isu bekalan air dan masalah kekurangannya. Hasil tuaian boleh terjejas dan ini boleh membawa kepada peningkatan harga makanan dan kesempatan dari segi ekonomi.

Di Nestlé, kami memainkan peranan kami dalam menangani masalah ini dengan mengurangkan penggunaan tenaga khusus kami dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada operasi kami.

Pengurusan Tenaga

Pada tahun 2013, kami mencatat penjimatan sebanyak 3% penggunaan tenaga bagi setiap tan produk, melebihi sasaran setara tahunan sebanyak 2% pengurangan. Dari segi pengurangan

tenaga tahunan, ini diterjemahkan dari 3.94GJ setan dalam 2012 kepada 3.82GJ setan pada 2013.

Ini dicapai dengan program penjimatan tenaga dan gas rumah hijau berikut:

- Mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan kilang untuk meningkatkan kecekapan proses dan seterusnya memaksimumkan kecekapan penggunaan tenaga seperti mematikan peralatan apabila ia tidak digunakan, memaksimumkan produktiviti dan mengurangkan pembaziran.
- Mengukuhkan rutin standard kami bagi pengurusan pemuliharaan kondensasi dan kebocoran udara. Penyelenggaraan yang baik dalam bidang ini memastikan kerugian yang tidak perlu.
- Mengoptimalkan proses untuk mengurangkan penggunaan tenaga.
- Mengurangkan tekanan wap, yang seterusnya mengurangkan penggunaan bahan api.

Pada tahun 2013, penjimatan daripada kadar penggunaan tenaga 3.82 GJ adalah cukup untuk mengekalkan penggunaan bahan api tahunan bagi 864 buah kereta. Ini bersamaan dengan penjimatan sebanyak 3%.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

- Memasang peralatan pemulihan tenaga dalam dandang kami seperti economisers, yang mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kecekapan dandang sebanyak 5%.
- Memasang peralatan baru untuk mencapai keputusan yang sama dengan penggunaan tenaga yang lebih rendah, seperti memasang peresap udara bagi loji rawatan sisa air dan berbanding alat pengudaraan tradisional.
- Mengambil kira kriteria cekap tenaga dalam pemilihan peralatan bagi projek-projek kami seperti dandang, penyejuk dan kompresor udara.

Mengurangkan Kesan Karbon daripada Pengangkutan


Dalam operasi rantaian bekalan kami, 'Alat Pengesanan Karbon' digunakan untuk merekodkan pengeluaran dan mengurangkan kesan karbon untuk pengangkutan. Program ini telah dijalankan di Pusat Pengedaran Nasional di Shah Alam untuk memantau petunjuk alam sekitar utama bagi pergerakan barangan siap seperti jarak dilalui (km), pelepasan CO₂ (tan metrik) dan jumlah (tan). Petunjuk ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kesan alam sekitar dan Syarikat telah mengambil langkah untuk meningkatkan pelepasan CO₂ keseluruhan bagi setiap kilometer yang dilalui.

Pengoptimuman Muatan

Operasi Rantaian Pembekalan telah melakukan beberapa inisiatif yang memberi tumpuan kepada pengoptimuman muatan dan pengangkutan barangan kepada pelanggan.

Di antara semua operasi dalam rangkaian pengedaran kami, operasi untuk penghantaran keluar menghasilkan pelepasan CO₂ yang tertinggi. Oleh itu, untuk mengurangkan kesan karbon, kami telah meningkatkan kapasiti muatan kami dari 33.3m³/lori untuk 38.3m³/lori, yang menghasilkan pengurangan sebanyak 13% daripada bilangan perjalanan. Ini adalah bersamaan dengan penjimatan 260 perjalanan setiap bulan, dengan

DIAGRAM 5 – PENGOPTIMUMAN MUATAN BAGI OPERASI RANTAIAN PEMBEKALAN



andaian 244 km setiap perjalanan. Jumlah pengurangan CO₂ adalah 72.6 tan, yang ditunjukkan dalam Diagram 5 di atas.

Bergerak ke Hadapan

Nestlé akan meneroka peluang untuk bekerja dengan ESCO (Syarikat Penjimat Tenaga) dan pakar-pakar industri untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga. Antara bidang yang mungkin kami terokai di masa hadapan adalah penggunaan bahan api yang bersih, yang akan membolehkan kita untuk menggunakan tenaga dengan lebih cekap. Beberapa contoh bagaimana langkah ini boleh dilakukan adalah dengan menggantikan lampu minyak dengan gas asli di kilang kami atau dengan mengeksploitasi tenaga solar boleh diperbaharui yang menggunakan sel-sel fotovoltaiik dan cahaya asli.

Pengurusan Penyejuk

Nestlé mempunyai polisi pembelian yang sangat ketat dalam Penyejukan dan Pengurusan Gas kerana kesannya terhadap Potensi Pengurangan Ozon (ODP) dan Potensi Pemanasan Global (GWP).

Keutamaan kami adalah untuk membeli penyejuk semula jadi dengan kesan sifar terhadap lapisan ozon dan sangat rendah Potensi Pemanasan Global seperti ammonia, karbon dioksida atau hidrokarbon, di mana ia boleh dihasilkan secara teknikal.

Dalam keadaan ketiadaan peralatan atau teknologi penyejuk asli, penyejuk sintetik Hidro Fluorocarbon (HFC) boleh digunakan dengan kebenaran khas sebagai pilihan terbaik seterusnya kerana kesan sifar pada lapisan ozon walaupun kesannya dalam GWP lebih tinggi.

Hasil daripada pendekatan pengurusan ini, pemantauan yang ketat dan pengesanan bulanan dalam penggunaan penyejuk dilaksanakan di kilang pembuatan kami dan semua penggantian peralatan mengikut dasar di atas.



Salah satu inovasi utama kami adalah keupayaan untuk menukar sisa enap cemar dan sisa makanan loji rawatan air menjadi baja organik untuk mengurangkan sisa pepejal.

Matlamat kami ke arah sifar sisa hingga ke tapak pelupusan sampah

- 5 daripada 6 kilang di Nestlé Malaysia telah mencapai status sifar sisa hingga ke tapak pelupusan sampah sejak Jun 2013
- Pengurangan muatan sisa kami bagi tahun 2013 adalah 57.6% berbanding sasaran sebanyak 10%
- 3,000 tan sisa organik telah ditukar menjadi baja & 291 tan laminat ditukar menjadi papan panel bahan binaan

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk beralih daripada penyejuk sintetik, kami sedang mencuba outlet Aiskrim kami dengan 547 peti ais yang menggunakan gas hidrokarbon. Jika ujian ini terbukti selamat, cekap tenaga dan berjaya, kami akan secara beransur-ansur beralih ke dalam teknologi baru ini.

Mengurangkan Sisa Pepejal

Pada tahun 2013, Nestlé Malaysia mencipta kejayaan dalam usaha mencapai status Sifar Sisa hingga ke tapak pelupusan sampah dengan komitmen yang tinggi dari pasukan alam sekitar melalui inisiatif berikut:

- Pengasingan sisa pembungkusan dijalankan di semua kilang kami untuk memastikan kertas, plastik, kaca dan produk ditolak diasingkan pada peringkat sumber untuk tujuan kitar semula. Hanya pembungkusan yang rosak dan produk ditolak akan dilupuskan dalam tong sisa klinikal kami. Selain itu, pembekal pengurusan sisa kami melakukan pemeriksaan kedua untuk mencari semula sebarang bahan lain yang boleh dikitar semula sebelum menghantarnya keluar untuk pelupusan sisa pepejal.

- Menukar makanan sisa menjadi makanan ternakan. Satu contoh adalah di kilang Shah Alam, di mana bijirin yang ditolak kerana berketul akan diproses semula menjadi makanan ternakan.
- Menukar sebahagian pulangan pasaran kami di gudang pusat kami menjadi makanan ternakan/baja organik manakala bungkusan dihantar untuk dikitar semula.
- Menukar sisa enap cemar dan sisa makanan loji rawatan air kepada baja organik yang menggunakan mikrob khusus dalam reaktor.
- Menukar laminat, yang sebelum ini tidak boleh dikitar semula, menjadi bahan binaan seperti kepingan bumbung dan dinding.

Pembungkusan

Pembungkusan produk Nestlé direka untuk memenuhi keperluan para pengguna kami dan keperluan keselamatan, kualiti dan kemudahan. Di samping melindungi produk dan mengelakkan pembaziran makanan, sebaik sahaja produk digunakan, ia akan dibuang dan menyumbang kepada 23,000 tan sisa pepejal yang dihasilkan setiap hari di Malaysia. Tumpuan kami adalah untuk mengurangkan sisa pepejal kepada pengguna melalui program pengoptimuman pembungkusan.


Sejajar dengan Dasar Global Nestlé dalam alam sekitar, matlamat kami adalah untuk mengurangkan secara sistematik kesan alam sekitar menggunakan alat penilaian kitar hayat saintifik (LCA) dan telus untuk menganalisis dan memilih penyelesaian pembungkusan yang paling optimum. LCA merangkamui kesan alam sekitar pembungkusan daripada pengekstrakan bahan hinggalah ke rantaian pembekalan seterusnya ke pelupusan pembungkusan.

Pada tahun 2013, kami mencapai kemajuan yang baik dan telah berjaya mengurangkan jumlah pembungkusan kami sebanyak 430 tan.

Sila rujuk kepada Carta 2 di mukasurat 32 yang menunjukkan jumlah pengurangan bahan setiap tahun sejak tahun 2008.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

CARTA 2 – JUMLAH PENGURANGAN BAHAN PEMBUNGKUSAN DALAM METRIK TAN



Berikut adalah beberapa contoh program pengoptimuman pembungkusan kami:

Sos Cili MAGGI

Kaca adalah salah satu bahan terbaik untuk pembungkusan makanan. Ia tahan haba dan menghalang pengaliran kelembapan dan oksigen yang baik menjadikannya sesuai untuk isian sos ini. Walau bagaimanapun ia mempunyai tahap ketahanan yang rendah terhadap tekanan mudah pecah, yang bukan sahaja memberi kesan kualiti tetapi juga boleh menyebabkan kecederaan insan. Mengurangkan berat kaca tanpa menyebabkan ianya pecah adalah satu tugas yang mencabar, tetapi dengan kerjasama erat dengan pembekal kami, melalui pembentukan semula dan pengubahsuaian acuan kami telah berjaya mengurangkan berat botol 300 g untuk MAGGI *Cold Sauce* sebanyak 7%, menyumbang kepada jumlah pengurangan berat pembungkusan sebanyak 150 tan setahun.



NESCAFÉ Softpack

Pada tahun 2013, kami telah berjaya mengubah suai isian dan pembungkusan NESCAFÉ *softpacks* dan dilancarkan pelbagai dalam saiz 50g, 100g, 200g, 300g dan 500g. Projek ini telah menyumbang kepada penurunan bahan yang ketara sebanyak 28 tan setahun.




MI MAGGI 2-Minit

Pek promosi MAGGI 5 +1 bagi pasaran Malaysia dan Singapura telah melalui proses reka bentuk semula bagi karton dan konfigurasi untuk memperbaiki susunan palet sebanyak 16%. Seterusnya pengurangan penggunaan bahan telah menyumbang kepada pengurangan 110 tan karton.



CARTA 3 – KANDUNGAN KITAR SEMULA DALAM BAHAN PEMBUNGKUSAN



Kitar semula

Isu kualiti dan keselamatan masih menjadi cabaran dalam penggunaan bahan-bahan kitar bagi produk yang berkaitan dengan makanan. Oleh itu, kami terus teliti dalam pemilihan bahan-bahan kitar semula apabila diperlukan. Sila rujuk kepada Carta 3 pada halaman ini yang menunjukkan peratusan kandungan kitar semula dalam bahan pembungkusan kami.

Projek CAREton - Memupuk Amalan Kitar Semula

Nestlé sekali lagi berkerjasama dengan Tetra Pak pada tahun 2013 bagi tahun keempat berturut-turut untuk menggalakkan tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat di samping menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, dengan menggalakkan amalan kitar semula di kalangan para pengguna dan murid-murid sekolah.

Inisiatif tahun ini ditetapkan dalam usaha kempen kitar semula kotak minuman yang akan digunakan untuk merumahkan sepuluh keluarga Orang Asli.

Sebanyak 3.62 juta kotak minuman yang telah digunakan berjaya dikumpulkan dan dikitar semula menjadi kepingan bumbung, yang kemudiannya digunakan oleh EPIC Home untuk membina sepuluh rumah bagi keluarga yang memerlukan.

EPIC Homes adalah berdasarkan budaya kerjasama, yang memberi tumpuan kepada pembinaan perumahan yang mampan bagi masyarakat Malaysia yang kurang bernasib baik. Pasukan ini kini menumpukan usaha mereka kepada masyarakat pribumi; yang sering dirujuk sebagai Orang Asli.

Setiap paket karton Tetra Pak terdiri daripada kira-kira 75% kertas, 20% polietilena dan 5% kerajang aluminium, dengan komponen polietilena dan aluminium dikitar semula menjadi kepingan atap untuk digunakan oleh EPIC Homes. Sebahagian daripada komponen kertas yang diekstrak dari karton yang dikumpul juga dikitar semula menjadi buku-buku latihan untuk kanak-kanak Orang Asli yang memerlukan.

Rakan program dari tahun-tahun sebelumnya turut menyokong kempen ini. Rakan program tahun ini termasuk Publika Shopping Gallery, AEON Co. (M) Bhd, Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia serta 300 sekolah-sekolah awam seluruh negara.



Pengurus Eksekutif Perniagaan, Minuman Cecair Nestlé, Encik Teo Heng Keat, (dua dari kiri) dengan rakan program dari Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Tetra Pak Malaysia, AEON Co. (M) Bhd dan Publika Shopping Gallery.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

KAJIAN KES



Seorang petani yang melakukan kerja-kerja tanah untuk musim penanaman seterusnya.

Pertanian yang Inovatif untuk Manfaat Insan, Alam dan Keuntungan

Polisi Kemampanan Alam Sekitar Nestlé yang menyatakan bahawa, "...apabila memilih bahan mentah asas tani, Nestlé memilih untuk menggunakan bahan asas tani yang dihasilkan menggunakan amalan-amalan pertanian yang mampan serta diperolehi secara tempatan."

Berpandukan kepada polisi ini dan falsafah CSV kami, kami telah terlibat dengan komuniti pertanian tempatan di seluruh negara, melalui pelbagai projek perladangan kontrak untuk mendapatkan bekalan bahan mentah bagi produk kami.

Satu contoh inisiatif perladangan kontrak yang cemerlang mengatasi segalanya adalah Kelab Padi Nestlé (NPC), yang telah berkembang dengan pesat sejak penubuhannya dan telah memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada Insan, tetapi juga kepada Alam dan Keuntungan. Sila rujuk kepada Diagram 6 pada halaman 36, yang menunjukkan bahawa NPC memberikan manfaat yang ketara kepada Insan, Alam dan Keuntungan.

Kelab Padi Nestlé

Pada tahun 2010, Nestlé Malaysia telah melancarkan inisiatif pertanian inovatif, Kelab Padi Nestlé (NPC) – melalui kerjasama dengan Organica Biotech, Kilang Beras Ban Eng Hin, Ninamaju dan DuPont di Kerpan, Kedah. Pada tahun 2012, inisiatif telah diperluaskan ke Sanglang, Kedah.

Projek yang bercita-cita tinggi, NPC telah ditubuhkan untuk memberikan manfaat yang ketara kepada Nestlé, pesawah tempatan dan alam sekitar.

Melalui inisiatif ini, petani dibimbing dengan cara-cara baru dalam penanaman padi menggunakan kaedah inovatif yang dipanggil *Semi-Aerobic Rice Intensification* (SARI), yang lebih ekologi berbanding teknik penanaman konvensional, kerana ia menggunakan air dengan lebih efisien.

Jumlah gas rumah hijau yang dikeluarkan dari ladang padi juga dapat dikurangkan dengan ketara, kerana kaedah ini menggalakkan para petani agar menggunakan mikrob tambahan mesra alam, seperti *Agri-Organica*, yang disediakan oleh Nestlé.

Kelebihan menggunakan mikrob organik ini adalah potensi untuk meningkatkan pendapatan para petani, kerana mikrob ini telah terbukti untuk meningkatkan purata hasil tuaian tahunan sebanyak 20%. Oleh itu, dengan kestabilan pendapatan hasil daripada perladangan kontrak mereka bersama Nestlé, ia memberikan manfaat yang ketara kepada para pesawah dari segi kewangan.





Melalui pendekatan Semi-Aerobic Rice Intensification (SARI), petani menggunakan air yang kurang dan menghasilkan metana yang kurang di sawah padi mereka.



Penuntut universiti belajar tentang kaedah persampelan di Ladang Eksperimen & Demonstrasi kami di Sik, Kedah.

Seterusnya, melalui NPC, Nestlé memperoleh bekalan yang berterusan, selamat dan beras yang boleh diketahui sumbernya untuk pengeluaran bijirin bayi kami. Ia juga membantu untuk mengurangkan kos operasi kami, kerana lebih murah untuk mendapatkan sumber bahan mentah tempatan.

Semi-Aerobic Rice Intensification (SARI)

Semi-Aerobic Rice Intensification (SARI) adalah pendekatan penjimatan air yang boleh digunakan dalam sawah padi tanah pamah untuk mengurangkan penggunaan air, serta mengurangkan pelepasan metana dalam sawah. Dengan SARI, air digunakan untuk mengairi sawah sehingga 50 hari. Sawah kemudiannya dibiarkan untuk menepukan sehingga padi boleh dituai pada usia 95-110 hari.

Ahli-ahli

Para pesawah NPC juga adalah ahli-ahli *Farmer Field School*, di mana mereka diajar Amalan Pertanian Baik dan pertanian lestari. Pengetahuan berharga yang mereka perolehi ini akan membantu memahami peranan mereka dalam memastikan keselamatan dan kualiti makanan melalui amalan-amalan pertanian yang bertanggungjawab. Di samping itu, mereka juga mengambil bahagian dalam program pengumpulan bekas racun makhluk perosak kitar semula membantu kesan karbon yang mereka hasilkan.

Hasilnya

Sepanjang musim menuai bulan Ogos-September 2013, seramai 312 orang pesawah telah menuai hasil sebanyak 5,658 tan metrik padi daripada lebih 807 hektar sawah padi. Mereka berjaya mencapai hasil tuaian pada purata sebanyak 7.06 tan metrik/hektar, peningkatan sebanyak 3.07%, berbanding purata hasil dari musim yang sama pada tahun sebelumnya, iaitu 6.85 tan metrik/hektar. Sebagai rujukan, purata hasil padi negara pada masa ini adalah sebanyak 3.7 tan metrik/hektar. Sila rujuk kepada Carta 4 halaman 37 - Purata Hasil oleh Kelab Padi Nestlé.

Semi-Aerobic Rice Intensification (SARI)

Apakah SARI? – Sawah padi akan berada dalam keadaan aerobik bagi separuh daripada tempoh pertumbuhan pokok padi.

Apakah manfaatnya kepada alam sekitar?
– Menjimatkan penggunaan air dan mengurangkan pelepasan metana.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

KAJIAN KES (sambungan daripada muka surat sebelumnya)

Melangkah Ke Hadapan


Kami memulakan kerjasama asas dengan Universiti Tunku Abdul Rahman untuk penyelidikan saintifik dalam tiga bidang berikut:

- *Alam Sekitar* – untuk mengukur secara objektif penjimatan air dan pengurangan pelepasan metana daripada kaedah Nestlé *Semi-Aerobic Rice Intensification* (SARI). Kajian akan dijalankan di Ladang Eksperimen dan Demonstrasi Nestlé yang terletak di Sik, Kedah.
- *Keselamatan Makanan* – untuk menjalankan penyelidikan asas terhadap logam berat, menggunakan pelbagai pendekatan seperti penggantian paku-pakis nyamuk, aplikasi karbon aktif dan hadaman mikrob untuk meminimumkan penyerapan logam berat oleh pokok padi.
- *Agronomi* – Tumpuan akan diberi dalam pendekatan mikrob untuk menyuburkan tanah secara semula jadi dan aplikasi mikronutrien yang berkesan untuk penyuburan tanah. Kajian akan dijalankan menggunakan mikrob yang berbeza dan nutrien mikrob untuk mengenalpasti penyelesaian yang terbaik yang dapat memberi manfaat kepada para pesawah dalam mengekalkan kesuburan tanah.

NPC ini menyasarkan untuk menuai sejumlah 900 hektar sawah menjelang 2014, untuk mencapai keperluan dalam pengeluaran bijirin bayi Nestlé. Prestasi tahun-ke-tahun kami terhadap sasaran ini terdapat di muka surat 17 dan 24.

DIAGRAMME 6 – THE BENEFITS OF NESTLÉ PADDY CLUB FOR PEOPLE, PLANET AND PROFITS



CARTA 4 – PURATA HASIL OLEH KELAB PADI NESTLÉ

“Pesawah dibimbing dengan perladangan secara organik melalui kaedah mesra alam untuk meningkatkan hasil berkualiti tinggi, yang kami gunakan sebagai bahan mentah untuk produk kami. Ia adalah situasi menang-menang untuk semua – kami melabur bersama pesawah dan mereka menyediakan bahan mentah yang berkualiti. Ini adalah sebahagian daripada falsafah Menjana Nilai Bersama Nestlé, yang menyatakan bahawa kita boleh meningkatkan nilai jangka panjang pemegang berkepentingan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada masyarakat.”

Alois Hofbauer,

Pengarah Urusan, Nestlé Malaysia.

“Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada saya, tetapi juga para pesawah lain dan keluarga kami. Melalui *Farmer Field School*, Nestlé Malaysia telah banyak memberi tunjuk ajar tentang Amalan Pertanian Baik dan pertanian lestari. Sebagai contoh, kami sekarang lebih memahami keperluan untuk melindungi alam sekitar. Di samping itu, dengan peningkatan hasil dan sudah tentunya pendapatan pun bertambah, kami mampu memberikan lebih untuk keluarga kami dan yang terbaik untuk mereka.”

Mat Yusof Abu Bakar,

Pengerusi Kelab Padi Nestlé, Sanglang.



Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

KESAN ALAM SEKITAR KAMI - PRESTASI KAMI

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
Pengeluaran				
Jumlah pengeluaran (tan)		364,026	375,405	399,168
Bahan Digunakan				
Bahan tidak boleh diguna semula (tan) ¹	EN1	25,636	750	783
Bahan langsung (tan) ²	EN1	391,886	405,501	411,681
Jumlah berat bahan yang digunakan (tan) ³	EN1	418,638	406,948	413,663
Bahan kitar semula (tan) ⁴	EN2	14,243	14,420	15,414
Peratusan bahan kitar semula (%) ⁵	EN2	3.44%	3.54%	3.73%
Tenaga				
Jumlah penggunaan tenaga langsung oleh sumber utama (GJ)	EN3	1,100,904	1,067,093	1,094,413
Jumlah tenaga langsung setiap tan barangan siap (GJ/tan)	EN3	3.02	2.84	2.74
Jumlah tenaga langsung oleh sumber utama yang boleh diperbaharui (asas kopi) (GJ)	EN3	198,889	128,330	56,181
Jumlah tenaga langsung oleh sumber utama yang tidak boleh diperbaharui ⁶ (Gas asli, lampu minyak bahan api, diesel, gas petroleum cecair)	EN3	902,015	938,763	1,038,232
Penggunaan tenaga tidak langsung oleh sumber utama (GJ) ⁷	EN4	400,898	412,006	431,618
Tenaga tidak langsung bagi setiap tan	EN4	1.10	1.10	1.08
Jumlah tenaga (GJ)	EN5	1,501,802	1,479,099	1,526,031
Jumlah tenaga bagi setiap tan (GJ/tan)	EN5	4.13	3.94	3.82
Tenaga yang diijmatkan daripada penambahbaikan (GJ) ⁸	EN5	97,618	71,324	46,691
Air				
Jumlah pengeluaran air oleh sumber (m ³ /tahun)	EN8	1,802,451	1,734,455	1,863,027
Jumlah pengeluaran air bagi setiap tan (m ³ /tan produk) ⁷	EN8	4.95	4.62	4.67
Isipadu air yang dikitar semula bagi setiap penggunaan semula (m ³ /tahun)	EN10	19,278	80,710	80,710
Peratusan air yang dikitar semula dan diguna semula (%) ⁹	EN10	1%	5%	4%
Pelepasan, Buangan dan Sisa				
Jumlah pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung (tan CO ₂) ¹⁰	EN16	160,029	158,991	172,248
Jumlah gas rumah hijau bagi setiap tan barangan siap (kg CO ₂ /tan) ¹⁰	EN16	440	424	432
Lain-lain pelepasan gas rumah hijau tidak langsung berkaitan mengikut berat (tan) ¹¹	EN17	9,081	9,938	9,647
Pengurangan gas rumah hijau (tan CO ₂) ¹²	EN18	N/A	6,027	-3,180 ¹²
Peratusan khusus pengurangan gas rumah hijau (%)	EN18	N/A	3.6%	-1.8%
Pelepasan bahan ozon yang berkurangan R11 Eqv (kg) ¹⁵	EN19	7.84	2.02	11.06
Bahan pengurangan ozon (kg)	EN19	151	50.6	276.6 ¹⁹
NO_x, SO_x dan Lain-lain Pelepasan Udara (jenis & berat) ^{13, 14}				
SO _x (tan) ^{15, 16}	EN20	166.9	161.9	177
NO _x (tan) ¹⁶	EN20	165.3	171.1	179.4
Bahan Zaharan (PM) (tan) ¹⁶	EN20	27.6	42.5	44.45
Jumlah air buangan mengikut kualiti dan destinasi (m ³ /tahun) ^{9, 17}	EN21	1,108,163	1,077,517	1,010,999

	Rujukan GRI	2011	2012	2013
Jumlah Berat Sisa mengikut Jenis dan Kaedah Pelupusan ^{9, 18, 19}				
Sisa berbahaya (tan)	EN22	13	28	26
Sisa tapak pelupusan (tan) ²⁰	EN22	2,386	4,698	1,990
Bahan yang dikitar semula (tan)	EN22	7,091	11,561	13,303 ²¹
Jumlah bilangan dan isipadu tumpahan yang ketara	EN23	nil	nil	nil ²²
Berat sisa diangkut yang dianggap berbahaya (tan) ²³				
Berat sisa berbahaya yang diangkut ²⁴	EN24	30	39.8	26
Berat sisa berbahaya yang diimport	EN24	nil	nil	nil
Berat sisa berbahaya yang dieksport	EN24	nil	nil	nil
Berat sisa berbahaya yang dirawat ⁹	EN24	17	16	0
Perjalanan				
Jumlah jarak yang dilalui bagi barangan siap untuk darat dan laut ('000 km)	EN29	7,489	8,439	8,418
Jumlah pelepasan CO ₂ bagi perjalanan di atas (tan)	EN29	9,081	9,938	9,647
Purata CO ₂ bagi setiap tan barangan siap, ke atas jumlah jarak yang dilalui (CO ₂ /tan * km) ¹⁹	EN29	52	61	52
Jumlah jarak yang dilalui oleh jurujual ('000 km)	EN29	N/A	6,595	7,512
Jumlah pelepasan CO ₂ bagi perjalanan jurujual (tan) ²⁵	EN29	N/A	1,042	1,187
Jumlah Perbelanjaan dan Pelaburan bagi Perlindungan Alam Sekitar (RM)				
Kos buangan, pelepasan rawatan pemulihan (RM) ²⁶	EN30	3,819,626	3,760,333	4,169,057
Kos perlindungan dan pengurusan alam sekitar (kos pelaburan RM)	EN30	2,688,087	1,003,978	3,533,470
Kos pelupusan sisa pepejal (RM) ²⁷	EN30	N/A	523,416	395,211

¹ Penggunaan bahan api tidak dilaporkan dalam EN1 bagi tahun 2012 dan seterusnya sejajar dengan Arahan Am Nestlé. Bahan api dilaporkan sebagai tenaga dalam EN 3.

² Barangan separa buatan termasuk dalam kategori ini. Minyak pelincir, bahan kimia dan gas adalah ditakrifkan sebagai Bahan Proses Berkaitan.

³ Sumber: Pemantauan Prestasi Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE-PM) dan Penunjuk Persekitaran Utama Kilang.

⁴ Pengiraan berdasarkan Laporan Ahli Teknologi Pembungkusan contohnya papan gelugur = 50%; kaca = 35% Maggi hot cup = 25%.

⁵ Sumber : Pengiraan daripada laporan SHE-PM/SAP

⁶ Sumber : SHE-PM (Penggunaan bahan api di kilang-kilang)

⁷ Sumber : SHE-PM (Penggunaan elektrik di kilang-kilang).

⁸ Sumber : SHE-PM (GJ/tan penjimatan x vol).

⁹ Sumber : SHE-PM.

¹⁰ Data CO₂ yang dihasilkan dengan menggunakan formula untuk penggunaan bahan api yang berbeza, dijana oleh SHE-PM. Formula untuk penukaran CO₂ telah diseragamkan mengikut piawaian antarabangsa. Oleh itu, data 2011 & 2012 telah dikemaskini.

¹¹ Keputusan yang diperolehi daripada pemantauan pergerakan barangan siap di dalam Malaysia melalui jalan raya dan laut oleh Pusat Pengedaran Nasional.

¹² GHG yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pengeluaran.

¹³ Nota : Gas-gas lain seperti POP (*Persistent Organic pollutants*), VOC (*Volatile Organic Compounds*) dan HAP (*Hazardous air pollutants*) adalah tidak relevan dalam industri kami.

¹⁴ Sumber : Pengiraan dari pemantauan pelepasan udara

¹⁵ Sumber : SHE-PM CFC – 11

¹⁶ Nota : Gas-gas lain seperti POP, VOC, HAP dan lain-lain kategori standard pelepasan udara yang dikenal pasti dalam peraturan-peraturan itu tidak relevan dalam industri kami.

¹⁷ Semua air kumbahan yang dilepaskan dari kilang-kilang akan dirawat di loji rawatan air sisa biologi dan semua parameter pelepasan mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar tempatan.

¹⁸ Semua kitar semula dan tapak pelupusan sisa diuruskan oleh syarikat pengurusan sisa yang dilantik dan diberi kuasa. Sisa berbahaya ini diuruskan oleh kontraktor berlesen JAS.

¹⁹ Meningkatkan sejak 2012 hasil daripada pengesanan yang lebih baik dan merekodkan hasil daripada peningkatan kesedaran.

²⁰ Sisa enap cemar telah dimasukkan sebagai sisa buangan untuk laporan 2012.

²¹ Anggaran data pelupusan sisa pepejal untuk 2013 adalah berdasarkan data SHE-PM sebagaimana yang dilaporkan oleh kilang-kilang Nestlé Malaysia.

²² Tiada kejadian tumpahan.

²³ Semua sisa berbahaya diuruskan oleh kontraktor dibenarkan JAS bagi pelupusan dan rawatan lanjut.

²⁴ Nota : Ini adalah jumlah sisa berbahaya yang dilupuskan dan dirawat.

²⁵ Sumber: <http://www.carpages.co.uk/co2/> -158g CO₂/km

²⁶ Sumber : Laporan kilang-kilang

²⁷ Kos bagi sisa pepejal kilang Kuching (2013) dan kilang-kilang lain Nestlé Malaysia (Januari - Mei 2013). Kilang ini telah mencapai sifar pelupusan sisa sejak Jun 2013.



Di Nestlé, warga kerja kami adalah peneraju Menjana Nilai Bersama. Mereka begitu penting dalam menyumbang terhadap kejayaan perniagaan dan masyarakat pada masa kini dan juga masa hadapan. Kami sentiasa meningkatkan tahap kami untuk menarik dan mengekalkan bakat-bakat berharga warga kerja syarikat kami.

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

Selama lebih 100 tahun, Nestlé telah berada di sisi rakyat Malaysia melalui inisiatif jenama dan masyarakat. Kunci kejayaan kami adalah sumbangan warga kerja kami, yang bukan sahaja berbakat tetapi juga komited untuk memacu perniagaan.

Untuk membangunkan tenaga kerja mahir dan komited, Nestlé benar-benar percaya bahawa kami perlu melabur dalam tenaga kerja kami. Sebagai contoh, melalui pembangunan dan latihan, kami membantu kakitangan kami untuk memaksimumkan kemahiran dan pengalaman mereka. Kami juga melibatkan mereka dalam inisiatif Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan di tempat kerja untuk menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan.

MEMBANGUNKAN BUDAYA MEMBIMBING DI MANA JUA, PADA BILA-BILA MASA, OLEH SESIAPA SAHAJA

Nestlé *Everyday Coaching Programme* telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa setiap warga kerja berpeluang untuk membangunkan potensi mereka dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan melalui budaya latihan yang berkesan dalam organisasi. Program ini terdiri daripada beberapa komponen yang disenaraikan di bawah.

Certified Master Performance Coach –

Untuk mewujudkan satu kumpulan jurulatih kanan yang boleh menjalankan latihan formal dalam organisasi. Pada tahun 2013, Nestlé terus memanfaatkan 13 orang jurulatih yang telah disahkan pada tahun sebelumnya.



Kami percaya bahawa pembelajaran adalah satu proses yang berterusan, oleh itu kami menggalakkan budaya latihan di seluruh organisasi untuk membantu warga kerja membangunkan potensi penuh mereka.

Everyday Coaching Awareness Training

– to create a coaching culture at Nestlé where coaching is practised everywhere, at anytime, by anyone. 108 employees underwent the training in 2013.

Sesi Latihan Memberi Maklumbalas

– Supaya kumpulan pengurus yang memberi laporan terus dilatih daripada segi mendengar, memberikan maklumbalas dan berkemahiran menyoal, supaya mereka boleh memberi ulasan prestasi dan pembangunan yang berkesan. Seramai 67 orang pekerja telah menghadiri sesi ini pada tahun 2013.

Amalan Memberi Bimbingan di

Organisasi Kami – Untuk meningkatkan kefahaman GROW Model¹, peserta dilatih untuk menerima dan memberi maklumbalas yang berkesan dan juga mengajar mereka kemahiran mendengar

dan menyoal dengan baik apabila memberi bimbingan. Tahun ini, seramai 38 orang kakitangan pengurusan menghadiri sesi ini.

Pengiktirafan Pembimbing – untuk menggalakkan bimbingan dari pembimbing yang diperakui dan yang berpotensi, termasuk mereka yang telah menjadi pembimbing secara tidak rasmi. Seramai 18 orang pembimbing yang aktif telah diiktiraf pada tahun 2013.

Kaji Selidik Bimbingan – dijalankan dari 17 Julai hingga 7 Ogos 2013, untuk menilai tindak balas dan keberkesanan sistem bimbingan dalam organisasi. Keputusan 2013 memberikan gambaran yang jelas tentang perspektif kakitangan tentang bimbingan dalam Nestlé. Sila rujuk diagram 7 pada muka surat 42.

¹ Matlamat, Realiti, Pilihan dan Model Seterusnya

Bajet keseluruhan bernilai

RM16.5 juta


telah dibelanjakan dalam program latihan luaran

209 sukarelawan

telah menyumbang sebanyak 952 jam untuk aktiviti sukarelawan pekerja ROCKS Nestlé

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

DIAGRAM 7 – KEPUTUSAN KAJI SELIDIK BIMBINGAN 2013



* Sebanyak 361 jawapan lengkap diterima

Sambutan yang baik berbanding dengan kaji selidik yang sama di mana kira-kira 200 jawapan biasanya diterima.

